

## Perkukuh hubungan dagang

Publication: BM

Date of publication: Jun 1, 2014

Section heading: Main Section

Page number: 007

Byline / Author: Oleh Lum Chee Hong; Syalikha Sazili; Norashikin Leman

**Shah Alam:** Kejayaan hubungan perdagangan antara Malaysia-China sejak 10 tahun lalu, dilihat akan terus diperkukuhkan sekurang-kurangnya sehingga 10 tahun lagi.

Sejak menjadi rakan dagang terbesar bagi China lima tahun lalu dengan jumlah dagangan lebih RM321 bilion, Malaysia kini menjadi rakan terdekat China dalam Perjanjian Perdagangan Bebas China-ASEAN.

Ahli Persekutuan Hubungan Malaysia-China (PPMC) Dr Wang Chen, berkata perjanjian perdagangan antara Malaysia dan China sejak 10 tahun lalu juga menyaksikan peningkatan 50 peratus dalam pelaburan membabitkan produk pembuatan dan juga barangan berkualiti tinggi antara kedua-dua negara.

Katanya, pelaburan oleh syarikat milik pelabur Malaysia di China juga menunjukkan peningkatan, sekali gus mampu menarik minat pelabur negara terbabit untuk turut sama dalam pelaburan dua hala.

Dalam Rancangan Lima Tahun ke-13 China, lebih RM1,606.5 billion (AS\$500 bilion) pendapatan dijangka akan diterima melalui pelbagai peluang perniagaan dari luar negara dan Malaysia adalah salah satu daripada penyumbang terbesar.

Potensi pelaburan

"Pelabur China juga menunjukkan minat terhadap Malaysia seperti dilihat pada projek perintis membabitkan import dan eksport barangan industri pemprosesan di taman perindustrian di Qinzhou dan Kuantan," katanya berucap pada Forum Perniagaan Malaysia-China 2014 di Kelab Golf Glenmarie, di sini, semalam.

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi Kanan di Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (ISIS), Firdaos Rosli, berkata, hubungan istimewa antara Malaysia dan China perlu diperkukuhkan biarpun perdagangan dua hala antara negara terbabit sudah mencapai 40 tahun.

Katanya, polisi perdagangan Malaysia perlu setanding dengan pertumbuhan pesat China dalam perdagangan dan pelaburan memandangkan kadar pelaburan langsung asing (FDI) negara tidak selari dengan China menyebabkan Malaysia sukar untuk bersaing.